

## TINDAKAN SERTA-MERTA

Ketua-ketua Setiausaha, Kementerian-kementerian Persekutuan,  
Ketua-ketua Pengarah, Jabatan-jabatan Persekutuan,  
Pengerusi/Pengurus Besar/Ketua Pengarah, Badan-badan Berkanun Persekutuan,  
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,  
Pengerusi/Pengarah Urusan/Pengurus Besar Perusahaan Awam Bukan Kewangan.



## KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

### PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1994

### PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH, 1996-2000

#### **Tujuan**

Pekeliling ini menetapkan garis panduan mengenai penyediaan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7), 1996-2000. Tujuannya diedarkan adalah untuk mendapatkan cadangan program dan projek RM7 daripada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kerajaan Negeri dan Agensi Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Pekeliling ini adalah juga untuk mendapatkan laporan mengenai prestasi pelaksanaan program RM6 sebagai input kepada perancangan program pembangunan sektor awam untuk tempoh RM7.

#### **Dasar-dasar dan Strategi-strategi RM7**

2. Dasar dan strategi Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000 yang berteraskan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) akan terus dilaksanakan dalam tempoh RM7 bagi membantu negara mencapai matlamat Wawasan 2020. Strategi ekonomi negara akan terus menekankan kestabilan ekonomi makro dan pertumbuhan sektor dengan peningkatan nilai ditambah melalui peningkatan produktiviti dan efisyensi. Walaupun sektor swasta akan menjadi tunjang pembangunan ekonomi negara, namun Perkhidmatan Awam akan terus memainkan peranan proaktif dalam konteks pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia. Dalam hubungan ini, program sektor awam akan ditumpukan kepada usaha membantu pembangunan sektor swasta. Di samping itu, peranan Kerajaan akan diteruskan dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mencapai objektif pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama.

#### ***Perspektif Ekonomi Makro***

3. Dalam tempoh RM7, teras dasar ekonomi makro terus mengekalkan pertumbuhan yang pesat dengan kestabilan harga, walaupun dalam suasana pasaran buruh yang ketat. Ekonomi dunia yang dijangka pulih akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara. Perbelanjaan swasta terutama perbelanjaan pelaburan yang terus memerlukan sumbangan kukuh dari pelaburan asing akan menjadi

penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Pelaburan awam akan ditumpukan untuk meningkatkan keperluan infrastruktur, pembangunan sumber tenaga manusia, sains dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), kualiti alam sekitar serta usaha merintis bidang-bidang yang berpotensi untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

4. Dalam keadaan pasaran buruh yang dijangka terus ketat, peningkatan produktiviti dan pengurusan yang lebih cekap menjadi lebih penting. Justeru itu, dalam penggubalan program dan projek RM7 soal penjimatan penggunaan buruh dan aspek latihan perlu diberi perhatian. Sistem penyampaian pendidikan dan latihan yang berkesan perlu dipertingkatkan supaya pembangunan tenaga manusia dapat diteruskan dengan baik dan sempurna.

5. Berhubung dengan dasar dan strategi *penyusunan semula masyarakat dan pengurangan kemiskinan*, langkah-langkah perlu diambil bagi memperbaiki dan mempertingkatkan pelaksanaan dasar tersebut. Bagi tujuan ini, segala usaha hendaklah ditumpukan bagi menambah bekalan tenaga kerja profesional dan mahir, meningkatkan pemilikan saham korporat dan menambah bilangan usahawan yang berdayasaing dan berdayatahan di kalangan kaum Bumiputera, terutama dalam sektor moden dan strategik dalam ekonomi negara dan antarabangsa.

6. Usaha-usaha perlu dipertingkatkan bagi membantu golongan termiskin dan miskin melibatkan diri dalam program dan projek yang membolehkan mereka memperolehi pendapatan melebihi garis kemiskinan. Di samping itu, usaha juga perlu dipergiatkan untuk menambah akses mereka kepada kemudahan awam termasuk perumahan kos rendah bagi membolehkan mereka menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

7. Dari segi *pembangunan wilayah*, usaha akan diteruskan bagi mengurangkan ketidakseimbangan dalam pembangunan ekonomi dan sosial di antara negeri. Program pembangunan RM7 hendaklah ditumpukan kepada usaha untuk memudahkan pencapaian matlamat mengurangkan kemiskinan di negeri kurang maju dan memperbaiki agihan pendapatan. Sehubungan dengan itu, peruntukan projek perlu dirancangkan dengan mengambilkira impak lokasi yang mempengaruhi keseimbangan sosio ekonomi, keberkesanan, pengagihan sumber dalam mempertingkatkan pendapatan dan mengimbangi pembangunan wilayah.

### **Pembangunan Sektoral**

8. Teras dasar pembangunan *sektor perindustrian* ialah menyediakan iklim pelaburan yang menggalakkan bagi sektor swasta melabur dalam industri berteknologi tinggi, mempelbagaikan keluaran eksport dan pasaran sektor pembuatan, serta membangun industri sokongan khususnya barang perantaraan dan pelaburan serta juga barang perindustrian. Bagi tujuan ini, usaha-usaha akan diteruskan untuk menyediakan tenaga kerja mahir, memberi sokongan padu kepada pembangunan industri kecil dan sederhana, serta menjadikan sains dan teknologi sebagai satu asas yang penting dalam pembangunan sektor pembuatan, di samping menyediakan infrastruktur yang lengkap dan canggih.

9. *Sektor perkhidmatan* perlu dimajukan sebagai satu industri penting bagi menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi dan gunatenaga, di samping mengurangkan defisit akaun perkhidmatan di dalam imbalan pembayaran. Prospek bagi memajukan sektor ini akan beransur beralih daripada sektor yang berdasarkan pasaran tempatan kepada sektor yang berdasarkan eksport. Selain daripada sektor kecil utama seperti kewangan, bank dan insurans, pengangkutan dan perkapalan, penekanan khusus akan diberi kepada sektor kecil baru yang terdiri daripada perkhidmatan pendidikan dan pelancongan serta perkhidmatan perantaraan seperti teknologi maklumat dan perkhidmatan komputer serta perkhidmatan perniagaan dan profesional.

10. *Sektor pertanian* akan diperkuuhkan untuk membolehkan sektor ini terus memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan pertukaran wang asing. Strategi utama program dan projek harus merangkumi penggunaan sumber secara optimum, mempercepatkan pembangunan industri berdasarkan pertanian, meningkatkan usaha-usaha dan penggunaan R&D dan teknologi.

11. Pembangunan *infrastruktur dan utiliti*, akan ditumpukan kepada meningkatkan keupayaan yang sedia ada, kualiti perkhidmatan dari segi keselamatan dan keselesaan serta pemuliharaan alam sekitar. Peningkatan ini hendaklah berdasarkan potensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan peningkatan kualiti hidup. Selaras dengan ini, penggunaan dan pemilihan sistem pengurusan dan

teknologi yang terkini, canggih dan *environmental friendly* akan diberi keutamaan. Tumpuan wajar diberi kepada usaha mengatasi masalah lalulintas di bandar, menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam dan memastikan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi di luar bandar dipertingkatkan.

12. Pembangunan *perkhidmatan sosial* hendaklah diberi keutamaan melalui sistem penyampaian yang lebih berkesan dan jimat. Kemudahan pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta perkhidmatan sosial yang lain bagi mempertingkatkan kualiti hidup wajar diperluaskan. Untuk mencapai objektif ini, tanggungjawab dan peranan membangunkan sektor ini perlu dikongsi bersama dengan sektor swasta. Penglibatan sektor swasta perlu dipertingkatkan bagi memenuhi tekanan permintaan terhadap perkhidmatan sosial dengan pihak Kerajaan memainkan peranan *regulatory* bagi menjamin keberkesanan kos dan kualiti.

13. Pelaksanaan *Dasar Penswastaan* akan dipercepatkan dan diperluaskan bagi meliputi berbagai sektor. Bagi melicinkan pelaksanaan, pihak Kementerian dan Agensi diminta mengenalpasti projek yang hendak diswastakan supaya entiti/aktiviti berkenaan dapat dibantu dengan sokongan dari Kerajaan. Kerjasama pihak Kementerian dan Agensi adalah penting supaya penjimatan dari penswastaan dapat disalurkan kepada sektor lain. Di samping itu, langkah-langkah akan diambil bagi memastikan Dasar Penswastaan dapat dilaksanakan secara lebih telus dan seragam.

### **Panduan Menyediakan Laporan RM7**

14. Penyediaan RM7 akan dibuat dalam dua kategori seperti berikut:

- (a) Program dan projek RM6 dan sambungan ke RM7;
- (b) Program dan projek baru RM7.

#### **(a) Program dan Projek RM6 dan Sambungan Ke RM7**

15. Dalam penyediaan laporan kategori pertama ini, ianya akan meliputi laporan penilaian serta maklumat mengenai prestasi kewangan dan pencapaian fizikal bagi setiap projek. Maklumat yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam *disket komputer* dengan menggunakan *Borang 1*.

16. Satu penilaian menyeluruh pencapaian fizikal dan kewangan hendaklah disediakan oleh Kementerian termasuk penyesuaian yang telah dilaksanakan, masalah-masalah pelaksanaan yang berkaitan dengannya dan cara mengatasinya. Di samping itu, perlu dijelaskan cara pelaksanaan dalam tempoh RM7 dan usaha untuk mengatasi kelembapan yang dialami dalam tempoh RM6 jika ada.

#### **(b) Program dan Projek Baru RM7**

17. Bagi program dan projek baru RM7, penyediaannya hendaklah diasaskan kepada *Pekelinging Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1992 - Garis Panduan Perancangan Dan Penyediaan Projek Pembangunan*. Di samping itu, maklumat yang berkenaan hendaklah disediakan dan diisi ke dalam *disket komputer* dengan menggunakan *Borang 2*.

### **Jumlah Keseluruhan Peruntukan Pembangunan Mengikut Negeri**

18. Satu ringkasan mengenai jumlah peruntukan pembangunan yang dipohon bagi tempoh RM7 mengikut negeri hendaklah disediakan dengan menggunakan *Borang 3*. Jumlah peruntukan pembangunan RM7 mengikut negeri ini adalah termasuk peruntukan yang dipohon untuk program/projek yang dijangka siap, sambungan dan baru.

### **Penggunaan Wang Rezab**

19. Beberapa Badan-badan Berkanun telah dikenalpasti mempunyai lebihan yang besar dalam kumpulan wang rezab mereka. Bagi tempoh RM7, Badan-badan Berkanun dicadang membayai sebanyak mungkin yang boleh projek pembangunan masing-masing dengan menggunakan wang rezab mereka.

### **Program/Projek Yang Tidak Dibiayai Oleh Kerajaan Persekutuan**

20. Badan-badan Berkanun Persekutuan, Penguasa Tempatan, Kerajaan Negeri termasuk agensi di bawah Kerajaan Negeri dan agensi-agensi PABK dikehendaki memberi maklumat mengenai program/projek yang dilaksanakan dalam tempoh RM6 dan program/projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh RM7 dengan mengisi **disket komputer** dengan menggunakan **Borang 4**.

### **Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di bawah Mekanisma IRPA**

21. Semua agensi R&D yang bercadang memohon peruntukan di bawah mekanisma IRPA, dikehendaki mengemukakan cadangan projek R&D mereka dengan menggunakan **Borang 5**. Maklumat mengenai perbelanjaan adalah diperlukan bagi tujuan perancangan khususnya untuk membuat keputusan mengenai saiz dan skop bidang R&D serta sumber kewangan yang diperlukan di bawah RM7. Pemilihan sebenar projek adalah berdasarkan perakuan dan keputusan penilaian teknikal yang dikendalikan oleh Panel IRPA.

### **Laporan Pencapaian Matlamat Dasar RRJP2 dan RM6**

22. Berdasarkan *Dokumen Kenyataan Dasar RRJP2 dan RM6 (Pelaksanaan Dasar dan Program)*, setiap Kementerian/Agenzi dikehendaki mengemukakan laporan mengenai pencapaian matlamat dasar dan program setakat ini. Ianya hendaklah disediakan dalam satu laporan yang berasingan.

### **Proses Menyediakan Laporan RM7**

23. Proses untuk menyediakan laporan RM7 hendaklah mematuhi peraturan seperti berikut:

- (i) Cadangan program dan projek baru mestilah selaras dengan **Jadual Pertama Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966**. Bagi cadangan yang melibatkan pembiayaan melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, khasnya bagi Badan-badan Berkanun, ianya hendaklah mengambilira dasar/panduan yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan. Dalam membuat anggaran kos projek, perkiraan hendaklah diambil ke atas apa-apa kos sampingan yang dijangkakan;
- (ii) Jabatan/Badan Berkanun di bawah Kementerian Persekutuan **di peringkat negeri** hendaklah berunding terlebih dahulu dengan UPEN bagi menyeraskan keperluan program dan projek pembangunan sebelum mengemukakan cadangan program dan projek baru kepada Ibu Pejabat di peringkat Persekutuan;
- (iii) Semua maklumat mengenai projek Kerajaan Negeri dan agensi di bawah Kerajaan Negeri hendaklah diseleraskan oleh UPEN. Pihak UPEN hendaklah menilai, mengkaji dan memperakurkan sebelum dikemukakan kepada Agensi Pusat. Di samping itu, **satu laporan yang telah diselaras dan disatukan** dengan merangkumi laporan bagi semua agensi di bawah negeri masing-masing hendaklah dikemukakan mengikut format seperti di **Lampiran A**;
- (iv) Jabatan/Badan Berkanun di **peringkat Persekutuan** hendaklah mengemukakan laporan kepada Kementerian masing-masing untuk disemak, dikaji, diperaku dan disatukan terlebih dahulu;
- (v) Agensi-agensi PABK dikehendaki menghantar **disket komputer** yang mengandungi maklumat-maklumat yang dikehendaki dengan menggunakan **Borang 4** terus kepada Unit Perancang Ekonomi;
- (vi) **Setiap Kementerian Persekutuan hendaklah mengemukakan satu laporan yang telah diselaras dan disatukan** dengan merangkumi laporan bagi semua agensi di bawah portfolio masing-masing berserta **disket komputer** berkenaan yang telah disemak, ditapis, diperaku dan disatukan. Ini bermakna Kementerian hendaklah terlebih dahulu mengadakan pemeriksaan belanjawan ke atas agensi masing-masing bagi menentukan keperluan dan keutamaan program dan projek; dan
- (vii) Laporan hendaklah dihantar kepada agensi-agensi berikut:

Unit Perancang Ekonomi (UPE)	— 4 salinan
Unit Penyelaras Pelaksanaan (UPP)	— 2 salinan
Perbendaharaan	— 2 salinan
Jabatan Perkhidmatan Awam	— 2 salinan

## **Surat Menyurat Dan Pertanyaan**

24. Semua surat menyurat mengenai Pekeliling ini hendaklah di alamatkan kepada:

Ketua Pengarah,  
Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Tingkat 2, Blok G,  
Jalan Dato' Onn,  
50502 Kuala Lumpur.  
(u.p. Pengarah Seksyen Belanjawan)

## **Tarikh Untuk Mengemukakan Laporan**

25. Laporan dan maklumat hendaklah dikelaskan "SULIT" dan tarikh untuk mengemukakan laporan adalah seperti berikut:

- (a) Maklumat bagi program/projek RM6 dan sambungan ke RM7 yang menggunakan *Borang 1* hendaklah dikemukakan pada *31 Disember 1994*;
- (b) Lain-lain maklumat yang menggunakan *Borang 2*, *Borang 3*, *Borang 4* dan *Borang 5* hendaklah dikemukakan pada *28 Februari 1995*.

## **Pegawai Perhubungan**

26. Setiap Kementerian, UPEN dan Jabatan Pembangunan Persekutuan hendaklah melantik seorang pegawai kanan masing-masing yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPE bagi menyelaraskan kerja-kerja penyediaan RM7. Nama pegawai tersebut hendaklah disampaikan kepada Ketua Pengarah UPE dalam tempoh satu bulan dari tarikh Pekeliling ini.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)  
*Ketua Setiausaha Negara  
merangkap Penggerusi  
Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara*

JABATAN PERDANA MENTERI  
KUALA LUMPUR

6 Ogos 1994

**BORANG 1**  
**PROGRAM/PROJEK RM6 DAN SAMBUNGAN**

1. MAKSUD PEMBANGUNAN	_____	
2. BUTIRAN	_____	
3. NO. SIRI	_____	
4. NAMA PROGRAM/PROJEK	_____	
5. SEKSYEN UPE	_____	
6. SEKTOR	_____	
7. NEGERI	_____	
8. KOS PROJEK	RM	_____
9. PERUNTUKAN RM6	RM	_____
10. PERBELANJAAN*		
(a) Tahun 1991	RM	_____
(b) Tahun 1992	RM	_____
(c) Tahun 1993	RM	_____
(d) Tahun 1994	RM	_____
(e) Tahun 1995 (anggaran)	RM	_____
* Perbelanjaan ini tidak termasuk pengeluaran cek oleh Kementerian kepada Badan-badan Berkutan		
11. JUMLAH PERBELANJAAN RM6	RM	_____
12. KEPERLUAN PERUNTUKAN UNTUK RM7	RM	_____
13. PERATUSAN ANGGARAN PERBELANJAAN PROGRAM/PROJEK MENGIKUT KOS ASING DAN KOS TEMPATAN	RM6	RM7
(a) Kos Tempatan	_____ %	_____ %
(b) Kos Asing	_____ %	_____ %
14. SAMA ADA PROGRAM/PROJEK DILAKSANAKAN MELALUI PENSWASTAAN	Ya:	Tidak:
15. BANTUAN DARIPADA SEKTOR AWAM	RM6	RM7
(a) Pinjaman	RM _____	RM _____
(b) Langsung	RM _____	RM _____
16. PENCAPAIAN FIZIKAL (1991-95)		
(a) Peratus	_____	
(b) Hektar	_____	
(c) Kilometer	_____	
(d) Lain-lain	_____	

## 17. PERBELANJAAN BAGI:

	RM6	RM7
(a) Tanah	RM _____	RM _____
(b) Penyiasatan	RM _____	RM _____
(c) Kerja Ukur	RM _____	RM _____
(d) Penempatan Semula Setinggan	RM _____	RM _____
(e) Bangunan Untuk Kediaman	RM _____	RM _____
(f) Bangunan Bukan Untuk Kediaman	RM _____	RM _____
(g) Lain-lain Binaan	RM _____	RM _____
(h) Alat-alat Jentera dan Kelengkapan	RM _____	RM _____
(i) Perabut dan Lain-lain Pemasangan	RM _____	RM _____
(j) Khidmat Pakar Runding	RM _____	RM _____
(k) Lain-lain	RM _____	RM _____

Nama Pegawai Pelapor : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

**PANDUAN MENGISI BORANG 1**

Maklumat mengenai peruntukan/perbelanjaan adalah dalam **Ringgit** yang terdekat.

Maklumat yang tersedia di butiran 1 hingga butiran 9 hendaklah dikekalkan.

**Butiran 10:** Nyatakan perbelanjaan sebenar bagi tahun 1991 - 1994, dan anggaran perbelanjaan tahun 1995. Maksud **Perbelanjaan Sebenar** ialah apabila cek telah dikeluarkan untuk pembayaran kepada pemberong/pembekal/penjual oleh Akauntan Negara/Kementerian/Badan Berkanun/Penguasa Tempatan/PABK. Perbelanjaan ini tidak termasuk pengeluaran cek oleh Kementerian kepada Badan-badan Berkanun.

**Butiran 12:** Peruntukan yang diperlukan bagi menyiapkan projek termasuk untuk pembelian perabut, kelengkapan, bayaran premium tanah, bayaran balik wang tahanan dan sebagainya.

**Butiran 13:** Kos asing ialah kos bagi barang atau perkhidmatan dari luar negeri, manakala kos tempatan ialah kos bagi barang atau perkhidmatan dalam negeri. Jumlah bagi kedua-dua kos ini hendaklah sama dengan jumlah kos projek.

**Butiran 16:** Gunakan unit yang sesuai seperti kilometer, hektar dan lain-lain bagi menyatakan pencapaian yang diharapkan. Isikan maklumat di mana berkenaan.

**BORANG 2**  
**PROGRAM DAN PROJEK BARU**

1. KEMENTERIAN		
2. AGENSI		
3. AGENSI PELAKSANA		
4. MAKSUD PEMBANGUNAN		
5. BUTIRAN		
6. No. SIRI		
7. NAMA PROGRAM/PROJEK		
8. SKOP/MATLAMAT PROGRAM/PROJEK		
9. KEUTAMAAN PROGRAM/PROJEK		
10. TEMPAT PROGRAM/PROJEK	(a) Negeri:	(b) Daerah:
11. KAWASAN PROGRAM/PROJEK	(a) Bandar:	(b) Luar bandar:
12. PROGRAM DPN/RRJP2		
(a) Program Mengurangkan Kemiskinan	Ya:	Tidak:
(b) Program Penyusunan Semula Masyarakat	Ya:	Tidak:
– MPPB	Ya:	Tidak:
– Lain-lain Program	Ya:	Tidak:
(c) Program Alam Sekitar	Ya:	Tidak:
13. SAMA ADA PROGRAM/PROJEK AKAN DILAKSANAKAN MELALUI PENSWASTAAN	Ya:	Tidak:
14. BANTUAN DARIPADA SEKTOR AWAM	RM6	RM7
(a) Pinjaman	RM	_____
(b) Langsung	RM	_____
15. TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK	Tahun mula:	Tahun siap:
16. PECAHAN JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
(a) Tanah	RM	_____
(b) Penyiasatan	RM	_____
(c) Kerja Ukur	RM	_____
(d) Penempatan Semula Setinggan	RM	_____
(e) Bangunan Untuk Kediaman	RM	_____

(f) Bangunan Bukan Untuk Kediaman	RM	_____		
(g) Lain-lain Binaan	RM	_____		
(h) Alat-alat Jentera dan Kelengkapan	RM	_____		
(i) Perabut dan Lain-lain Pemasangan	RM	_____		
(j) Bayaran Pakar Runding	RM	_____		
(k) Lain-lain	RM	_____		
<b>17. JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK</b>	RM	_____		
<b>18. PERATUSAN JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK MENGIKUT KOS TEMPATAN DAN KOS ASING</b>	Kos Asing:	_____ %	Kos Tempatan:	_____ %
<b>19. JUMLAH PERUNTUKAN RM7 YANG DIPOHON DARI SUMBER KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>	RM	_____		
<b>20. JUMLAH PERUNTUKAN YANG DIPOHON DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 1996</b>	RM	_____		
<b>21. PECAHAN SUMBER PEMBIAYAAN PROGRAM/PROJEK (DI MANA BERKENAAN)</b>				
(a) Sumber Persekutuan				
(i) Cara Langsung	RM	_____		
(ii) Pinjaman	RM	_____		
(b) Sumber Negeri				
(i) Cara Langsung	RM	_____		
(ii) Pinjaman	RM	_____		
(c) Sumber Lain				
(i) Pinjaman Dalam Negeri	RM	_____		
(ii) Pinjaman Luar Negeri	RM	_____		
(iii) Sumber Sendiri/Wang Rezab	RM	_____		
(iv) Sumber Lain	RM	_____		
<b>22. PERBELANJAAN PENGURUSAN BAGI RM7</b>				
(a) Gaji dan upahan	RM	_____		
(b) Perjalanan dan pengangkutan orang	RM	_____		
(c) Kemudahan awam (bekalan air, elektrik dan lain-lain)	RM	_____		
(d) Sewa	RM	_____		
(e) Bekalan dan bahan-bahan	RM	_____		
(f) Penyelenggaraan dan pembaikan	RM	_____		
(g) Lain-lain perkhidmatan ikhtisas dan keraian	RM	_____		
(h) Lain-lain	RM	_____		
<b>23. JUMLAH TENAGA MANUSIA YANG DIPERLUKAN DI BAWAH RM7</b>				
(a) Kumpulan Pengurusan Tertinggi	_____			
(b) Kumpulan Pengurusan dan Profesional	_____			
(c) Kumpulan Sokongan	_____			

24. PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN  
MENGIKUT NEGERI DI BAWAH RM7

(a) Johor	RM _____
(b) Kedah	RM _____
(c) Kelantan	RM _____
(d) Melaka	RM _____
(e) Negeri Sembilan	RM _____
(f) Pahang	RM _____
(g) Perak	RM _____
(h) Perlis	RM _____
(i) Pulau Pinang	RM _____
(j) Sabah	RM _____
(k) Sarawak	RM _____
(l) Selangor	RM _____
(m) Terengganu	RM _____
(n) W.P. Kuala Lumpur	RM _____
(o) W.P. Labuan	RM _____
(p) Pelbagai Negeri	RM _____

25. MATLAMAT FIZIKAL (DI MANA BERKENAAN)

(a) Hektar	_____
(b) Kilometer	_____
(c) Lain-lain	_____

Nama Pegawai Pelapor : \_\_\_\_\_

Tarikh \_\_\_\_\_

No. Telefon \_\_\_\_\_

## PANDUAN MENGISI BORANG 2

Maklumat mengenai peruntukan/perbelanjaan adalah dalam **Ringgit** yang terdekat.

**Butiran 8:** Matlamat projek adalah dalam unit ukuran, misalnya, Pembinaan sebuah jalan sepanjang 4km, pembinaan sebuah bangunan 4 tingkat dan sebuah jeti; dan sebagainya.

**Butiran 9:** Nyatakan keutamaan program/projek berdasarkan bilangan projek yang dipohon. Sekiranya 100 projek dipohon, nyatakan keutamaan 1 hingga 100.

**Butiran 10:** Bagi program/projek yang merangkumi lebih dari satu negeri atau daerah, memadailah dengan dicatatkan perkataan “pelbagai negeri”.

**Butiran 11:** Sila rujuk *Senarai Nama-Nama Bandar Mengikut Negeri* di mukasurat 12, bagi mana-mana program/projek yang tidak terletak di bandar berkenaan ianya dianggap terletak di luar bandar. Hanya satu petak sahaja perlu diisi.

**Butiran 12:** Hanya program/projek yang *terlibat secara langsung* dengan program berkenaan sahaja yang perlu menanda ruangan ‘Ya’.

**Butiran 16:** *Lain-lain binaan* ialah kos penyambungan berbagai-bagai kemudahan infrastruktur di luar kawasan projek seperti jalan masuk ke kawasan projek, penyambungan parit dari kawasan projek ke parit besar di luar kawasan projek, pembentungan, jambatan dan lain-lain binaan di luar kawasan projek. Sementara *lain-lain pemasangan* ialah pemasangan dan penyambungan talian telefon, bekalan air dan bekalan elektrik di dalam kawasan projek dan di luar kawasan projek.

**Butiran 24:** Pecahan perbelanjaan pembangunan mengikut negeri, sekiranya program/projek merangkumi pelbagai negeri.

**Butiran 25:** Gunakan unit yang sesuai seperti kilometer, hektar dan lain-lain bagi menyatakan pencapaian yang diharapkan. Isikan maklumat di mana berkenaan.

## Senarai Nama-Nama Bandar Mengikut Negeri

<b>JOHOR</b>	<b>MELAKA</b>	<b>PERLIS</b>	<b>SELANGOR</b>
Bandar Maharani (Muar)	Ayer Keroh	Kangar	Ampang
Bandar Penggaram (Batu Pahat)	Bukit Baru		Ampang/Ulu Kelang
Bukit Bakri	Klebang		Banting
Johor Bahru	Melaka		Bt 9 Cheras/
Kluang			Sg. Raya/T. Suntex
Kota Tinggi			Gombak Setia
Kulai			Taman Perwira
Labis			Jenjarom
Mersing			Kajang & Sungai Chua
Pasir Gudang			Kg Baru Sungai Buloh
Pekan Nenas			Kg Pandan Dalam
Pontian Kecil			Klang
Segamat			Kuala Kubu Baru
Sekudai	PAHANG		Kuala Selangor
Senai	Bentong		Kuchai
Tangkak	Jerantut		Petaling Jaya
Ulu Tiram	Kuala Lipis		Rawang
Yong Peng	Kuantan		Sekinchan
	Mentakab		Selayang Baru
	Raub		Semenyih
	Temerloh		Seri Kembangan
			Shah Alam
<b>KEDAH</b>		<b>SABAH</b>	Subang
Alor Setar		Keningau	Kg Baru Subang
Bedong		Kota Kinabalu	Kg Melayu Subang
Gurun	PERAK	Kudat	Sungai Besar
Jitra	Ayer Tawar	Kunak	Taman Greenwood
Kuah	Bagan Serai	Lahad Datu	Taman Gombak
Kuala Kedah	Batu Gajah	Ranau	
Kulim	Bidor	Sandakan	
Sungai Petani	Ipoh	Semporna	
	Kampar	Tawau	<b>TERENGGANU</b>
	Kampong Koh		Dungun
<b>KELANTAN</b>	Kuala Kangsar		Kemaman
Gua Musang	Lawan Kuda Baharu		Kerteh
Kadok	Lumut		Kuala Terengganu
Kota Bharu	Pantai Remis		Marang
Kuala Krai & Guchil	Parit Buntar	SARAWAK	
Pangkal Kalong	Simpang Empat	Bintulu	
Pasir Mas	(Sitiawan)	Kuching	
Peringat	Sungai Siput Utara	Limbang	
Tanah Merah	Taiping	Miri	<b>W. PERSEKUTUAN</b>
Tumpat	Tanjong Malim	Sarikei	- KUALA LUMPUR
Wakaf Baru	Tapah	Sibu	- LABUAN
	Teluk Intan	Sri Aman	Bandar Labuan

Sumber: Laporan Kiraan Permulaan Bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.

**BORANG 3**  
**PERMOHONAN MENGIKUT NEGERI**

**1. JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN  
MENGIKUT NEGERI DI BAWAH RM7**

(a) Johor	RM _____
(b) Kedah	RM _____
(c) Kelantan	RM _____
(d) Melaka	RM _____
(e) Negeri Sembilan	RM _____
(f) Pahang	RM _____
(g) Perak	RM _____
(h) Perlis	RM _____
(i) Pulau Pinang	RM _____
(j) Sabah	RM _____
(k) Sarawak	RM _____
(l) Selangor	RM _____
(m) Terengganu	RM _____
(n) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	RM _____
(o) Wilayah Persekutuan Labuan	RM _____
(p) Pelbagai Negeri	RM _____
<b>2. JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RM7</b>	RM _____

**BORANG 4**

**PROGRAM/PROJEK RM6 DAN RM7 TANPA PEMBIAYAAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

1. NAMA AGENSI:		
2. BILANGAN PROJEK:		
3. NAMA PROGRAM/PROJEK:		
4. SKOP/MATLAMAT PROGRAM/PROJEK:		
5. TEMPAT PROGRAM/PROJEK:	(a) Negeri:	(b) Daerah:
6. KAWASAN PROGRAM/PROJEK:	(a) Bandar:	(b) Luar Bandar:
7. SEKTOR:		
8. PROGRAM DPN/RRJP2		
(a) Program Mengurangkan Kemiskinan	Ya:	Tidak:
(b) Program Penyusunan Semula Masyarakat		
- MPPB	Ya:	Tidak:
- Lain-lain Program	Ya:	Tidak:
(c) Program Alam Sekitar	Ya:	Tidak:
9. SAMA ADA PROGRAM/PROJEK AKAN DILAKSANAKAN MELALUI PENSWASTAAN	Ya:	Tidak:
10. TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK:	Tahun mula:	Tahun siap:
11. PECAHAN JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	RM6	RM7
(a) Tanah	RM _____	RM _____
(b) Penyiasatan	RM _____	RM _____
(c) Kerja Ukur	RM _____	RM _____
(d) Penempatan Semula Setinggan	RM _____	RM _____
(e) Bangunan Untuk Kediaman	RM _____	RM _____
(f) Bangunan Bukan Untuk Kediaman	RM _____	RM _____
(g) Lain-lain Binaan	RM _____	RM _____
(h) Alat-alat Jentera dan Kelengkapan	RM _____	RM _____
(i) Perabut dan Lain-lain Pemasangan	RM _____	RM _____
(j) Khidmat Pakar Runding	RM _____	RM _____
(k) Lain-lain	RM _____	RM _____
12. JUMLAH KOS PROGRAM/PROJEK	RM _____	RM _____
13. PERATUSAN JUMLAH KOS PROGRAM/ PROJEK MENGIKUT KOS TEMPATAN DAN KOS ASING	RM6	RM7
Kos Asing:	_____ %	_____ %
Kos Tempatan:	_____ %	_____ %

**14. PECAHAN SUMBER PEMBIAYAAN  
PROGRAM/PROJEK (DI MANA BERKENAAN)**

	RM6	RM7
(a) Sumber Negeri		
(i) Cara Langsung	RM _____	RM _____
(ii) Pinjaman	RM _____	RM _____
(b) Sumber Lain		
(i) Pinjaman Dalam Negeri	RM _____	RM _____
(ii) Pinjaman Luar Negeri	RM _____	RM _____
(iii) Sumber Sendiri/Wang Rezab	RM _____	RM _____
(iv) Sumber Lain	RM _____	RM _____

**15. MATLAMAT FIZIKAL (DI MANA BERKENAAN)**

	RM6	RM7
(a) Hektar	_____	_____
(b) Kilometer	_____	_____
(c) Lain-lain	_____	_____

Peringatan: Borang ini hendaklah diisi oleh Kerajaan Negeri, Agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri, Badan-Badan Berkanun, Pengguna Tempatan dan Agensi PABK.

Nama Pegawai Pelapor : .....

Tarikh : .....

No. Telefon : .....

**PANDUAN MENGISI BORANG 4**

**Butiran 4:** Matlamat projek adalah dalam unit ukuran, misalnya, Pembinaan sebuah jalan sepanjang 4 km., pembinaan sebuah bangunan 4 tingkat dan sebuah jeti; dan sebagainya.

**Butiran 5:** Bagi program/projek yang merangkumi lebih dari satu negeri atau daerah, memadailah dengan dicatatkan perkataan "pelbagai negeri".

**Butiran 6:** Sila rujuk *Senarai Nama-Nama Bandar Mengikut Negeri* di muka surat 12, bagi mana-mana program/projek yang tidak terletak di bandar berkenaan dianggap terletak di luar bandar. Hanya satu petak sahaja perlu diisi.

**Butiran 11:** *Lain-lain binaan* ialah kos penyambungan berbagai-bagai kemudahan infrastruktur di luar kawasan projek seperti jalan masuk ke kawasan projek, penyambungan parit dari kawasan projek ke parit besar di luar kawasan projek, pembentungan, jambatan dan lain-lain binaan di luar kawasan projek. Sementara *lain-lain pemasangan* ialah pemasangan dan penyambungan talian telefon, bekalan air dan bekalan elektrik di dalam kawasan projek dan di luar kawasan projek.

**Butiran 13:** Kos asing ialah kos barang dan perkhidmatan dari luar negeri, manakala kos tempatan ialah kos barang dan perkhidmatan dalam negeri. Jumlah bagi kedua-dua kos ini hendaklah sama dengan jumlah kos projek.

**Butiran 14:** Sumber pembiayaan program/projek adalah bagi keseluruhannya tempoh RM7 mengikut sumber-sumber tertentu di mana yang berkaitan.

**BORANG 5**  
**CADANGAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
DI BAWAH MEKANISMA IRPA**

1. KEMENTERIAN:																												
2. AGENSI:																												
3. MAKSUD PEMBANGUNAN:	4. BUTIRAN:	5. NO. SIRI:																										
6. JUMLAH PERBELANJAAN R&D DIJANGKA                    RM _____																												
<table border="0"> <tr> <td>(a) Sektor</td> <td>(i) Pertanian</td> <td>RM _____</td> <td>(iv) Perubatan</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(ii) Industri</td> <td>RM _____</td> <td>(v) Sains sosial</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(iii) Strategik</td> <td>RM _____</td> <td></td> <td></td> </tr> </table>				(a) Sektor	(i) Pertanian	RM _____	(iv) Perubatan	RM _____		(ii) Industri	RM _____	(v) Sains sosial	RM _____		(iii) Strategik	RM _____												
(a) Sektor	(i) Pertanian	RM _____	(iv) Perubatan	RM _____																								
	(ii) Industri	RM _____	(v) Sains sosial	RM _____																								
	(iii) Strategik	RM _____																										
<table border="0"> <tr> <td>(b) Jenis Penyelidikan</td> <td>(i) Asas</td> <td>RM _____</td> <td>(iii) Pembangunan</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(ii) Gunaan</td> <td>RM _____</td> <td></td> <td></td> </tr> </table>				(b) Jenis Penyelidikan	(i) Asas	RM _____	(iii) Pembangunan	RM _____		(ii) Gunaan	RM _____																	
(b) Jenis Penyelidikan	(i) Asas	RM _____	(iii) Pembangunan	RM _____																								
	(ii) Gunaan	RM _____																										
<table border="0"> <tr> <td>(c) Bidang Teknologi</td> <td>(i) Pembuatan berautomasi</td> <td>RM _____</td> <td>(vi) Teknologi berkaitan tenaga</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(ii) Bahan termaju</td> <td>RM _____</td> <td>(vii) Teknologi berkaitan alam sekitar</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(iii) Bioteknologi</td> <td>RM _____</td> <td>(viii) Lain-lain (nyatakan): _____</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>(iv) Mikro elektronik</td> <td>RM _____</td> <td></td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(v) Teknologi maklumat</td> <td>RM _____</td> <td></td> <td></td> </tr> </table>				(c) Bidang Teknologi	(i) Pembuatan berautomasi	RM _____	(vi) Teknologi berkaitan tenaga	RM _____		(ii) Bahan termaju	RM _____	(vii) Teknologi berkaitan alam sekitar	RM _____		(iii) Bioteknologi	RM _____	(viii) Lain-lain (nyatakan): _____			(iv) Mikro elektronik	RM _____		RM _____		(v) Teknologi maklumat	RM _____		
(c) Bidang Teknologi	(i) Pembuatan berautomasi	RM _____	(vi) Teknologi berkaitan tenaga	RM _____																								
	(ii) Bahan termaju	RM _____	(vii) Teknologi berkaitan alam sekitar	RM _____																								
	(iii) Bioteknologi	RM _____	(viii) Lain-lain (nyatakan): _____																									
	(iv) Mikro elektronik	RM _____		RM _____																								
	(v) Teknologi maklumat	RM _____																										
<table border="0"> <tr> <td>(d) Perbelanjaan Pembangunan:</td> <td>(i) Peralatan/jentera</td> <td>RM _____</td> <td>(ii) Pengubahsuaiann kecil/pembaikan</td> <td>RM _____</td> </tr> </table>				(d) Perbelanjaan Pembangunan:	(i) Peralatan/jentera	RM _____	(ii) Pengubahsuaiann kecil/pembaikan	RM _____																				
(d) Perbelanjaan Pembangunan:	(i) Peralatan/jentera	RM _____	(ii) Pengubahsuaiann kecil/pembaikan	RM _____																								
<table border="0"> <tr> <td>(e) Perbelanjaan Operasi:</td> <td>(i) Gaji/elaun</td> <td>RM _____</td> <td>(iv) Perkhidmatan ikhtisas</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(ii) Perjalanan &amp; pengangkutan</td> <td>RM _____</td> <td>(v) Pentadbiran &amp; pengurusan</td> <td>RM _____</td> </tr> <tr> <td></td> <td>(iii) Kos bahan/bekalan</td> <td>RM _____</td> <td></td> <td></td> </tr> </table>				(e) Perbelanjaan Operasi:	(i) Gaji/elaun	RM _____	(iv) Perkhidmatan ikhtisas	RM _____		(ii) Perjalanan & pengangkutan	RM _____	(v) Pentadbiran & pengurusan	RM _____		(iii) Kos bahan/bekalan	RM _____												
(e) Perbelanjaan Operasi:	(i) Gaji/elaun	RM _____	(iv) Perkhidmatan ikhtisas	RM _____																								
	(ii) Perjalanan & pengangkutan	RM _____	(v) Pentadbiran & pengurusan	RM _____																								
	(iii) Kos bahan/bekalan	RM _____																										
<table border="0"> <tr> <td>(f) Struktur Pembiayaan</td> <td>(i) Kos Asing: RM _____</td> <td>(ii) Kos Tempatan: RM _____</td> <td></td> </tr> </table>				(f) Struktur Pembiayaan	(i) Kos Asing: RM _____	(ii) Kos Tempatan: RM _____																						
(f) Struktur Pembiayaan	(i) Kos Asing: RM _____	(ii) Kos Tempatan: RM _____																										
7. FAEDAH YANG AKAN DIPEROLEHI DARIPADA PROGRAM/PROJEK PENYELIDIKAN INI																												
<table border="0"> <tr> <td>(a) Nyatakan Faedah Teknikal</td> <td></td> </tr> <tr> <td>(i) Bahan tanaman baru/diperbaiki misalnya jenis atau klon:</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(ii) Produk/bahan/peralatan baru atau diperbaiki:</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(iii) Proses/sistem/perkhidmatan baru atau diperbaiki:</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(iv) Pengetahuan baru misalnya Sosial dan Tekno-ekonomi, Pengurusan R&amp;D, Penyelidikan asas, teknik-teknik baru:</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(v) Lain-lain:</td> <td>_____</td> </tr> </table>				(a) Nyatakan Faedah Teknikal		(i) Bahan tanaman baru/diperbaiki misalnya jenis atau klon:	_____	(ii) Produk/bahan/peralatan baru atau diperbaiki:	_____	(iii) Proses/sistem/perkhidmatan baru atau diperbaiki:	_____	(iv) Pengetahuan baru misalnya Sosial dan Tekno-ekonomi, Pengurusan R&D, Penyelidikan asas, teknik-teknik baru:	_____	(v) Lain-lain:	_____													
(a) Nyatakan Faedah Teknikal																												
(i) Bahan tanaman baru/diperbaiki misalnya jenis atau klon:	_____																											
(ii) Produk/bahan/peralatan baru atau diperbaiki:	_____																											
(iii) Proses/sistem/perkhidmatan baru atau diperbaiki:	_____																											
(iv) Pengetahuan baru misalnya Sosial dan Tekno-ekonomi, Pengurusan R&D, Penyelidikan asas, teknik-teknik baru:	_____																											
(v) Lain-lain:	_____																											
<table border="0"> <tr> <td>(b) Nyatakan Faedah Sosio-ekonomi</td> <td></td> </tr> <tr> <td>(i) Pengurusan kos pengeluaran:</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(ii) Kecekapan pengeluaran:</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(iii) Peningkatan produktiviti/kualiti:</td> <td>_____</td> </tr> <tr> <td>(iv) Produk/rekabentuk produk:</td> <td>_____</td> </tr> </table>				(b) Nyatakan Faedah Sosio-ekonomi		(i) Pengurusan kos pengeluaran:	_____	(ii) Kecekapan pengeluaran:	_____	(iii) Peningkatan produktiviti/kualiti:	_____	(iv) Produk/rekabentuk produk:	_____															
(b) Nyatakan Faedah Sosio-ekonomi																												
(i) Pengurusan kos pengeluaran:	_____																											
(ii) Kecekapan pengeluaran:	_____																											
(iii) Peningkatan produktiviti/kualiti:	_____																											
(iv) Produk/rekabentuk produk:	_____																											

(v) Penggunaan-penggunaan baru:	_____
(vi) Diusahakan secara komersil:	_____
(vii) Pasaran-pasaran baru:	_____
(viii) Lain-lain:	_____
<i>(c) Nyatakan faedah kepada pelanggan/penerima manfaat R&amp;D</i>	
(i) Kerajaan:	_____
(ii) Institusi penyelidikan:	_____
(iii) Industri:	_____
(iv) Lain-lain:	_____

Nama Pegawai Pelapor : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

#### **PANDUAN MENGISI BORANG 5**

**Butiran 6:** Berikan maklumat terperinci sebagaimana dikehendaki. Garis panduan bagi perbelanjaan di bawah butiran 6(d & e) adalah seperti berikut:-

1. **Gaji:** *Bagi semua pemohon*, bayaran gaji secara langsung sahaja yang boleh dituntut iaitu amaun yang sebenarnya dibayar kepada seorang individu. *Bagi pekerja sepenuh masa*, peruntukan yang dipohon hendaklah dikira seperti berikut:

Gaji tahunan dibahagikan dengan bilangan hari bekerja dalam tahun berkenaan, didarabkan dengan bilangan hari yang terlibat dalam projek R&D; **atau** gaji tahunan pekerja didarabkan dengan peratus masa bekerja dalam projek R&D.

*Bagi pekerja kontrak*, gaji dibayar berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh JPA. Bagi pemohon daripada universiti, *pelajar siswazah, post-doctoral fellows dan pensyarah* dibayar gaji berdasarkan peraturan JPA/universiti berkenaan.

2. **Pengangkutan dan Perjalanan:** Perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan yang berkaitan secara langsung dengan sesuatu program penyelidikan.
3. **Peralatan dan Jentera:** Pembelian jentera dan alat-alat baru dan penggantian khusus untuk penyelidikan.
4. **Bahan dan Bekalan Penyelidikan:** Pembelian bahan-bahan untuk penyelidikan seperti bahan kimia dan sebagainya.
5. **Pengubahsuaian Kecil/Pembaikan:** Perbelanjaan pengubahsuaian kecil bangunan berkaitan dengan penyelidikan.
6. **Perkhidmatan Ikhtisas:** Perbelanjaan perkhidmatan pakar runding tempatan atau luar negeri termasuk perbelanjaan perkhidmatan seperti *computer time*, penyediaan dan pendaftaran paten.
7. **Pentadbiran/Pengurusan:** Perbelanjaan secara am yang perlu dilakukan tetapi tidak berkaitan secara langsung dengan program R&D. Sebagai panduan umum kos tersebut hendaklah tidak melebihi 30% daripada kos buruh langsung.

## PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH, 1996-2000

### PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI/KERAJAAN NEGERI

1. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) akan bertanggungjawab untuk menyelaraskan kerja-kerja perancangan dan menyediakan laporan keseluruhan berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Jabatan/Agensi/Badan Berkanun di bawah Kementerian Persekutuan di peringkat negeri bagi negeri berkenaan. Dalam hal ini, program/projek di bawah Jabatan/Agensi Persekutuan/Badan Berkanun di peringkat negeri berkenaan hendaklah diambilkira selain daripada projek-projek pembiayaan Kerajaan Negeri sendiri untuk menggambarkan usaha pembangunan keseluruhannya dan kesan sosio-ekonomi ke atas negeri berkenaan.

2. UPEN hendaklah mengemukakan laporan yang mengandungi bahagian-bahagian utama seperti berikut:

(a) RINGKASAN:

Bahagian ini hendaklah mengandungi ringkasan laporan serta kesimpulan-kesimpulan dan perakuan-perakuan utama yang terdapat di dalam laporan tersebut.

(b) OBJEKTIF/MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI:

UPEN hendaklah menerangkan dasar, matlamat dan strategi negeri berkenaan bagi tempoh RM7 dan ianya hendaklah selaras dan berteraskan dasar dan strategi yang dinyatakan di dalam Pekelingling ini. UPEN juga hendaklah menyediakan matlamat pembangunan negeri secara kuantitatif dari segi kadar pertumbuhan ekonomi, tahap pendapatan dan kualiti hidup, kadar kemiskinan dan kadar pengangguran.

(c) ISU-ISU UTAMA PEMBANGUNAN:

UPEN hendaklah juga menjelaskan isu-isu utama di peringkat negeri yang menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan sektor-sektor dan peningkatan pendapatan dan taraf hidup di negeri berkenaan. Di dalam penyediaan laporan ini, UPEN hendaklah membangkitkan isu dan masalah yang berkaitan dengan perancangan pembangunan seperti masalah infrastruktur di sesuatu kawasan, ketidakpelbagaian ekonomi, masalah buruh, kemiskinan dan sebagainya. Isu-isu sedemikian adalah penting kepada perancang dasar untuk menggubal dan mencadangkan strategi-strategi baru yang lebih berkesan ke arah meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi di samping dapat menggunakan sumber dengan lebih cekap.

(d) KEMAJUAN PEMBANGUNAN SETIAP SEKTOR:

Penilaian hendaklah dibuat dari segi kemajuan keseluruhan kewangan dan fizikal pelaksanaan program pembangunan bagi setiap sektor di bawah RM6 di negeri masing-masing bagi program/projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pengelasan hendaklah mengikut sektor-sektor pertanian, perhutanan, perikanan, perlombongan, perindustrian, pengangkutan (darat, laut dan udara), perhubungan, pelancongan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan awam (bekalan air paip dan elektrik). Laporan perlu meliputi aspek-aspek penduduk yang menerima faedah serta masalah pembangunan dan pelaksanaan di setiap sektor. Selain dari itu, satu jadual lengkap program/projek RM6 juga perlu disediakan bagi projek yang dibiayai di bawah peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri. Maklumat yang perlu disediakan di dalam jadual tersebut antaranya ialah kos projek, peruntukan yang diluluskan di bawah RM6 dan jumlah perbelanjaan.

